

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

1,745 kes baharu, tujuh kematian

Kes positif meningkat sedikit berbanding 1,555 kes pada Rabu

KUALA LUMPUR

Kes baharu Covid-19 yang direkodkan pada Rabu meningkat sedikit kepada 1,745 kes berbanding 1,555 kes pada Rabu, dengan tujuh lagi kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Ab-

dullah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 1,743 kes adalah penularan tempatan, manakala dua kes import menjadikan jumlah kumulatif kini menjangkau 305,880 kes.

Menurutnya, kes sembuh yang dicatatkan dalam tempoh 24 jam lalu pula adalah sebanyak 2,276 kes, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 280,707 kes.

"Sebanyak tujuh kematian Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif adalah 1,148 kes, manakala 195 kes pula dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 95 kes memerlukan bantuan alat pernafasan," menurutnya dalam keny-

taan mengenai perkembangan Covid-19 di sini pada Rabu.

Selangor kekal mencatat kes baharu tertinggi iaitu 640 kes, diikuti Johor (376) dan Sarawak dengan 139 kes.

Sebanyak 47 kes (2.7 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster penjara melibatkan Kluster Telok Mas (20 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (13 kes), Kluster Damai Pelangi (13 kes) dan Kluster Penjara Jalan



DR NOOR HISHAM

Sungai Jelok (1 kes).

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian pula melibatkan dua di Kuala Lumpur dan masing-masing satu kes di Selangor, Sarawak, Sabah, Johor serta Kelantan melibatkan pesakit dalam lingkungan umur antara 50 dan 71 tahun.

Sementara itu, katanya, sebanyak 11 kluster baharu dikenal pasti pada Rabu dengan sembilan melibatkan tempat kerja, satu kluster komuniti di

Melaka dan satu kluster kumpulan berisiko tinggi di Selangor.

Kluster baharu tempat kerja yang direkodkan ialah di Selangor (Jalan Perubatan, Tapak Bina Jalan MP, Balakong Satu dan Jalan Utarid), Johor (Jalan Jalan DPB Lima), Kelantan (Jalan Bachok), Kedah (Jalan PKNK 1/6), Pahang (Sri Jelutung) dan Negeri Sembilan (Jalan Sikamat Lama).

Menurutnya, jumlah keseluruhan kluster kini adalah sebanyak 1,163 dengan 487 kluster aktif, manakala 13 kluster tamat pada Rabu menjadikan jumlah keseluruhan kluster yang tamat adalah 676 kluster. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 3 Mac 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia






Table with 5 columns: JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI. Rows: JUMLAH KESELURUHAN (305,880), PULIH (280,707), ICU (195), KEMATIAN (1,148), KES BAHARU (+1,745).



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 304,135 kes kepada 305,880 kes